

KAEDAH BAYARAN YURAN KONVOKESYEN PTSB

TAHNIAH dan **SYABAS** kepada lulusan bagi **Sesi II 2023/2024 & Sesi I 2024/2025** kerana telah berjaya menamatkan sesi pengajian di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Kami warga Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, mengalu-alukan kehadiran para graduan ke **Majlis Konvokesyen ke - 19** pada **27 hingga 29 September 2025** yang akan diadakan di Dewan Muadzam Shah, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Berikut merupakan kaedah untuk membayar yuran konvokesyen.

1. Bayaran konvokesyen adalah:
 - 1.1 Bayaran Konvokesyen bagi yang **HADIR** adalah **RM 300.00**
 - 1.2 Bayaran Konvokesyen bagi yang **TIDAK HADIR** adalah **RM 180.00**
2. Pembayaran hendaklah dibuat atas akaun **“POLI TSB-KULIM”** melalui menu **Yuran IPT/ Bill Presentment** di mana-mana cawangan **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** mengikut kaedah di bawah.

Bil.	Kaedah Bayaran	Akaun
1	CDM Bank Islam	POLI TSB-KULIM
2	Mesin ATM Bank Islam (<i>bagi yang mempunyai akaun dan kad ATM Bank Islam</i>)	POLI TSB-KULIM

3. **Slip bayaran @ resit CDM asal** hendaklah dicatatkan nama, nombor pendaftaran pelajar dan jabatan.
4. Graduan hendaklah mengemukakan salinan slip bayaran di atas kepada urusetia semasa Pendaftaran Graduan sebagai bukti bayaran telah dibuat.

1. CDM Bank Islam

Sila ikuti langkah berikut :

a. Sila pilih bahasa



b. Pilih menu Yuran IPT/ Bill Presentment



c. Sila masukkan No. Kad Pengenalan Pelajar



- d. Sila Pilih **POLI TSB KULIM** untuk Bayaran Yuran Konvokesyen **RM 300 (hadir)** atau **RM 180 (tidak hadir)**



2. ATM Bank Islam – menggunakan kad ATM Bank Islam sahaja

Sila ikuti langkah berikut :

- a. Pilih menu Lain-Lain, pilih menu Pembayaran Bil & Yuran IPT dan kemudian pilih menu Yuran IPT / Bill Presentment.
- b. Pilih nombor akaun, masukkan nombor kad pengenalan pelajar dan pilih nama POLI TSB-KULIM sebagai payee.
- c. Masukkan amaun yang perlu dibayar dan buat bayaran.
RM 300 (hadir) atau RM 180 (tidak hadir).